

# PM: Institut Kanser Negara penuh keperluan rakyat

Oleh HABIBAH OMAR dan HELMI MOHD. FOAD

**PUTRAJAYA** 9 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Institut Kanser Negara yang akan dibina di sini dirancang pembinaannya bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat negara ini.

Menurut Perdana Menteri, jumlah penghidap kanser adalah ramai dan penubuhan institut itu merupakan antara langkah kerajaan menyediakan rawatan kepada penghidap kanser.

"Kerajaan mesti mendapatkan kemudahan dan peralatan yang diperlukan selain doktor-doktor yang ada keparkan dalam bidang rawatan kanser.

"Semua itu mesti dirancang dengan baik semasa bangunan di peringkat pembinaan lagi," katanya selepas upacara pecah tanah projek Institut Kanser Negara di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek.

Institut berharga RM340 juta itu yang bakal beroperasi dalam tempoh dua tahun lagi akan menjadi pusat rujukan utama penyakit kanser yang lengkap dengan 252 katil pesakit.

Ia mempunyai pelbagai kemudahan berteknologi tinggi setaraf dengan institut kanser luar negara dengan inovasi yang menitikberatkan konsep mesra pesakit dan pelawat.

Antara kemudahan yang bakal disediakan di hospital itu ialah perkhidmatan onkologi dan radioterapi, perubatan nuklear, pembedahan onkologi, rawatan paliatif dan harian.

Ditanya sama ada penubuhan institut itu mempunyai maksud yang istimewa kepadanya memandangkan isteri beliau, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood meninggal dunia pada 22 Oktober 2005 akibat kanser, Perdana Menteri berkata:

"Betul, tetapi bukan eksklusif untuk saya atau perasaan saya. Ia mengenai apa yang rakyat mahu."

Penyakit kanser itu hanya akan difahami sekiranya ada ahli keluarga yang menghidap kanser.

Malah beliau sendiri memahaminya setelah melihat penderitaan Allahyarham Endon ketika berdepan dengan penyakit itu.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Perdana Menteri meminta supaya perancangan membina institut tersebut dibuat dengan baik kerana beliau ingin melihat pembinaannya menjadi kenyataan.

"Saya berharap pelaksanaannya menjadi elok dan tidak terbengkalai serta tidak berlaku kelewatan kerana sebagai kerajaan berjiwa rakyat, kita akan memberikan perkhidmatan yang baik bagi membuktikan kemampuan kita.

UM - 10/1/2007

Saya berharap pelaksanaannya menjadi elok dan tidak terbengkalai serta tidak berlaku kelewatan kerana sebagai kerajaan berjiwa rakyat, kita akan memberikan perkhidmatan yang baik bagi membuktikan kemampuan kita

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri



**ABDULLAH** Ahmad Badawi menandatangani plak sambil diperhatikan oleh Dr. Chua Soi Lek (Kiri) selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Institut Kanser Negara di Presint 7, Putrajaya, semalam.

- Bernama

"Projek ini dijalankan di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI), jadi saya minta ia diawasi dengan rapi dan sebaik-baiknya.

"Pelaksanaannya kena diawasi oleh Kementerian Kesihatan serta Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya.

Abdullah berkata, doktor-doktor dan kakitangan institut itu perlu menjalani latihan sama ada di dalam atau luar negara bagi membolehkan mereka memperoleh

pengalaman serta pengetahuan yang secukupnya untuk mengendalikan peralatan canggih rawatan kanser di situ kelak.

Mengenai perubatan alternatif bagi merawat kanser, Perdana Menteri memberitahu, peranan doktor tradisional yang mempunyai pengalaman perlu dilihat secara positif kerana mereka juga boleh membantu melegakan penderitaan pesakit kanser.